



CARNEGIE  
ENDOWMENT FOR  
INTERNATIONAL PEACE

JUN 2022

**CHINA** *local global*

# Bagaimana Politik Malaysia Mempengaruhi Perusahaan Hartanah China dan Pembangunan Ekonomi

Guanie Lim dan Keng Khoon Ng

---

# **Bagaimana Politik Malaysia Mempengaruhi Perusahaan Hartanah China dan Pembangunan Ekonomi**

Guanie Lim dan Keng Khoon Ng

---

© 2022 Carnegie Endowment for International Peace. Hakcipta terpelihara.

Carnegie tidak mewakili kedudukan institusi dalam isu dasar awam; pandangan yang diwakili di sini adalah pandangan pengarang dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Carnegie, kakitangan atau pemegang amanahnya.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara sekalipun tanpa kebenaran bertulis daripada Carnegie Endowment for International Peace.

Sila teruskan pertanyaan kepada:

Carnegie Endowment for International Peace  
1779 Massachusetts Avenue NW Washington, DC 20036  
P: + 1 202 483 7600  
F: + 1 202 483 1840  
[CarnegieEndowment.org](http://CarnegieEndowment.org)

Penerbitan ini boleh dimuat turun tanpa kos di [Carnegie Endowment.org](http://CarnegieEndowment.org).

Kredit Foto: Seong Joon Cho/Bloomberg melalui Getty Images.



## ISI KANDUNGAN

China Local/Global	i
Ringkasan	1
Pengenalan	2
Bagaimana Pembangunan Hartanah di China Mendorong Firma Tempatan ke Luar Negara	4
Asal Usul Koridor Iskandar Malaysia	5
Pelaburan China di Iskandar Malaysia	9
Kesimpulan	17
Mengenai Penulis	20
Nota	21



## China Local/Global

China telah menjadi sebuah kuasa global, tetapi tidak banyak persoalan yang ditimbulkan tentang bagaimana ianya berlaku dan apakah maksudnya. Ramai berpendapat bahawa China mengeksport model pembangunan dan mengenakan tekanan untuk dilaksanakan di negara lain. Namun, para penggiat industri China juga meluaskan pengaruh mereka dengan merangka projek usaha sama bersama penggiat industri dan institusi tempatan sebagai usaha untuk menyesuaikan diri dan mengasimilasi bentuk tradisi, norma dan pelaksanaan di peringkat tempatan.

Sebagai pihak yang bermurah hati, Ford Foundation telah membekalkan sumber dana pada setiap tahun untuk pihak Carnegie melancarkan badan kajian inovatif mengenai strategi penglibatan China di tujuh wilayah di dunia – Afrika, Asia Tengah, Amerika Latin, Timur Tengah dan Afrika Utara, Pasifik, Asia Selatan, Asia Tenggara. Melalui kaedah kajian campuran dan persidangan strategik, projek ini meneroka dinamik kompleks termasuk bagaimana cara firma China menyesuaikan diri dengan undang-undang buruh tempatan di Amerika Latin; Penerokaan Institusi Perbankan dan Dana China terhadap kewangan islamik tradisional dan produk pinjaman di Asia Tenggara serta Timur Tengah; Bantuan oleh para penggiat industri China meningkatkan taraf skil pekerja tempatan mereka di Asia Tengah. Strategi adaptif dengan cara menyesuaikan diri dan bekerja dalam persekitaran tempatan merupakan kaedah yang paling tidak diberi perhatian khususnya oleh pembuat dasar Barat.

Akhirnya, matlamat projek ini fokus untuk meningkatkan pemahaman dan membincangkan peranan China di dunia seterusnya menjana idea bagi mewujudkan polisi yang inovatif. Ini bagi membolehkan para penggiat industri tempatan menyalurkan sumber China ke arah yang lebih baik untuk menyokong masyarakat dan ekonomi; memberi pengajaran kepada penglibatan barat di seluruh dunia terutamanya di negara sedang membangun; membantu pembuat dasar China untuk belajar daripada kepelbagaian pengalaman China sendiri; dan potensi bagi mengurangkan pergeseren.

Evan A. Feigenbaum

*Naib Presiden untuk Kajian, Dana bagi Keamanan Antarabangsa Carnegie*



## Ringkasan

Iskandar Malaysia merupakan koridor ekonomi yang tertua dan paling menonjol di Malaysia pada masa kini. Terletak di kawasan paling selatan di Negeri Johor, koridor tersebut menempatkan beberapa projek pemajuan hartanah (seperti Princess Cove dan Forest City) melibatkan syarikat multinasional (MNCs) daripada China yang bermula sebaik sahaja Inisiatif Jalur dan Laluan (Belt & Road Initiative – BRI) dilancarkan pada tahun 2013. Pada satu peringkat, perbelanjaan infrastruktur yang tidak terkawal berkaitan dengan BRI membantu meningkatkan ekonomi Malaysia apabila MNC hartanah China mengembangkan portfolio luar negara mereka dengan melabur di Iskandar Malaysia. Walau bagaimanapun, penglibatan mereka dalam koridor tersebut mengganggu dinamik sedia ada di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

Walaupun projek oleh MNC China membuka peluang kepada kerajaan negeri Johor untuk menentang penguasaan Putrajaya dalam koridor ekonomi tersebut, ianya juga menimbulkan perselisihan faham dan mengundang kemarahan pengundi semasa kempen pilihan raya. Digabungkan dengan beberapa isu sosio-ekonomi yang lain, projek pemajuan hartanah oleh China ini menimbulkan rasa tidak puas hati sehingga menyumbang kepada kekalahan yang tidak dijangkakan kepada parti-lama memerintah, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dalam pilihan raya umum Malaysia pada Mei 2018. MNC hartanah China telah berusaha untuk menyesuaikan diri dengan dinamik peralihan ini, namun tidak pasti sejauh mana strategi mereka membuahkan hasil berikutan keadaan krisis hartanah yang kembali memuncak di China serta isu-isu lain yang berkaitan.

Akhirnya, pelaburan hartanah oleh China telah dipergunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan di Malaysia untuk memudahkan usaha mencapai matlamat mereka dan bukannya satu bentuk tekanan yang dikenakan oleh kuasa besar China seperti yang cenderung dilihat oleh beberapa pengulas terhadap pembangunan Malaysia sejak dua dekad yang lalu. Di sebalik perusahaan hartanah megah, sangat penting untuk mengenal pasti potensi jangkaan kerugian sekiranya terdapat gangguan daripada politik tempatan. Peristiwa di Iskandar Malaysia menunjukkan bahawa dari sudut politik, ianya tidak mampan untuk mengetengahkan projek hartanah yang terlalu mahal untuk dimiliki oleh kebanyakan penduduk tempatan.



## Pengenalan

Krisis kewangan Asia 1997 memberi impak ekonomi yang mendalam di seluruh rantau ini. Dari satu segi, ia mengganggu pertumbuhan pesat yang dinikmati secara mendadak oleh Malaysia pada tahun 1980-an dan pada awal hingga pertengahan tahun 1990-an. Selepas itu, kerajaan di Putrajaya berusaha untuk memulihkan kemakmuran ekonomi negara menggunakan strategi meneroka sumber ekonomi alternatif bermula pada tahun 2000. Secara khususnya, kerajaan pusat Malaysia mula menyasarkan pelabur Asia termasuk penyedia modal dan perniagaan dari Singapura, Jepun, dan juga China.

Dalam keadaan ekonomi yang sedang berkembang pesat dan mempunyai hubungan mesra dengan Malaysia, China menjadi prospek rakan pelaburan yang sangat menarik dalam tempoh tersebut. Menjelang pertengahan tahun 2000, perancang dasar Malaysia telah mula menggalakkan pembangunan koridor ekonomi serantau untuk menarik lebih banyak modal antarabangsa, tetapi koridor ini merentasi beberapa lapisan negeri. Kerajaan pusat berhasrat untuk menyokong sektor berkeutamaan-tinggi terutamanya di kawasan kurang membangun dan menyasarkan projek di pelbagai lokasi untuk memastikan sinergi nasional yang lebih besar melebihi bidang kuasa peringkat negeri. Walaupun pelaburan dalam pembuatan amat digalakkan, koridor-koridor ini juga menyasarkan sektor perkhidmatan. Pada tahun 2006, koridor sedemikian yang pertama—Iskandar Malaysia—dilancarkan di Johor, negeri paling Selatan di Semenanjung Malaysia. Menjelang awal tahun 2010, empat lagi koridor wilayah telah diwujudkan.<sup>1</sup>

Oleh kerana koridor ini merentasi beberapa negeri dan Malaysia mengamalkan sistem berasaskan kerajaan persekutuan, pelaksanaan ini terperangkap dalam permainan tarik-tali di kalangan politik tempatan di mana kerajaan pusat dan kerajaan negeri bersaing sesama sendiri untuk menarik modal bagi membiayai projek mengikut pilihan keutamaan masing-masing. Sehubungan dengan itu, ramai orang luar mentafsirkan tindakan tersebut telah menyebabkan kecenderungan China untuk masuk campur ke dalam sektor hartanah di Malaysia sehingga memberi kesan ke atas kepelbagaian ciri tempatan di Malaysia dan meningkatkan pertikaian ke atas sistem politik.

Iskandar Malaysia merupakan di antara koridor yang tertua dan paling menonjol telah menjadi platform bagi menguji strategi adaptif untuk pelaburan China di Malaysia. Kerajaan persekutuan Malaysia dan penggiat industri tempatan telah memanfaatkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) China untuk memenuhi keperluan negara tetapi kejayaan penggiat industri dan pihak berkepentingan China untuk menyesuaikan diri dengan politik Malaysia amat terhad berikutan tentangan ahli politik terhadap projek pemajuan usaha sama hartanah kediaman mewah. Apabila diteliti dengan lebih dekat, jelas bahawa pelaburan China (dan seterusnya sumber modal asing yang lain) hanya menjadi alat untuk pelbagai pihak berkepentingan di Malaysia. Ia bukannya satu bentuk tekanan yang dikenakan oleh China melalui lambakan pelaburan seperti yang dilihat oleh beberapa pengulas mengenai pembangunan di Malaysia sejak dua dekad yang lalu.<sup>2</sup>

Malah, pihak Johor juga mengalu-alukan kedatangan syarikat multinasional China (MNC) bagi tujuan kepentingan mereka—iaitu untuk menghalang pencerobohan kerajaan persekutuan di Iskandar Malaysia. Interaksi politik domestik ini mewujudkan pertembungan antara pihak kerajaan tempatan dengan Putrajaya, paling jelas dapat diperhatikan dalam kes Forest City iaitu sebuah projek hartanah mewah yang dibangunkan oleh firma China (Country Garden) yang berpangkalan di Guangdong.

Selain diselubungi dengan insiden pertikaian di antara Putrajaya dan Johor, Forest City sering dikritik oleh blok pembangkang negara (Pakatan Harapan) yang diketuai oleh Mahathir Mohamad (perdana menteri dari tahun 1981 hingga 2003 dan dari Mei 2018 hingga Mac 2020). Digabungkan bersama topik hangat yang lain, projek itu menghakis keyakinan pengundi terhadap parti yang telah lama memerintah, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) semasa pilihan raya umum pada Mei 2018 yang pada ketika itu menerajui kedua-dua kerajaan persekutuan dan beberapa kerajaan negeri termasuk Johor.<sup>3</sup>

Cabaran MNC hartanah China di Malaysia adalah berpunca daripada kekurangan kemahiran perniagaan oleh mereka sendiri dan dinamik politik yang tidak stabil dalam ekonomi negara tuan rumah. Projek oleh China ini juga telah terjejas oleh peristiwa-peristiwa luar jangka, termasuk kawalan modal yang dikenakan China untuk mengekang pengaliran keluar dana dan menstabilkan mata wangnya (renminbi) pada tahun 2017.

Karangan ini bermula dengan pengkajian kemerosotan ekonomi China sejak akhir tahun 2000-an. Pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan membawa maksud bahawa firma domestik semakin kehilangan peluang pelaburan yang boleh menjana keuntungan dengan mudah di China. Keadaan ini mendorong sesetengah daripada mereka untuk mencari lebih banyak peluang pelaburan di luar negara. Kesan ini amat ketara bagi MNC hartanah. Bagi firma-firma tersebut, pengisytiharan program Inisiatif Belt and Road (BRI) pada 2013 yang melibatkan pelaburan infrastruktur luar negara bernilai jutaan renminbi oleh kerajaan China menawarkan peluang strategik untuk perusahaan mereka.

Bahagian seterusnya beralih kepada Iskandar Malaysia, bagaimana koridor itu berkembang, mengapa ia menarik pelabur China dan bagaimana ia berkembang sebelum dan selepas penubuhan BRI. Apabila koridor tersebut ditubuhkan, ia menjadi tumpuan utama persaingan di antara kerajaan persekutuan dan kerajaan Johor untuk mendapatkan modal serta sumber fizikal. MNC China turut menjadi sebahagian daripada kisah koridor tersebut. Bahagian ini menerangkan bagaimana dan sejauh mana beberapa projek hartanah China di Iskandar Malaysia terutamanya Forest City dipolitikkan oleh Mahathir dan sekutunya. Bahagian akhir menggariskan cadangan untuk pihak berkepentingan di Malaysia yang bergelut dengan pelaburan China dan seterusnya cadangan bagi syarikat China yang manjalankan pelaburan di dalam persekitaran tempatan yang rumit.

## Bagaimana Pemajuan Hartanah di China Mendorong Firma Tempatan ke Luar Negara

Krisis kewangan global pada tahun 2007–2008 memberi kesan mendalam kepada negara yang mempunyai ekonomi besar seperti China dan Amerika Syarikat serta negara membangun seperti Malaysia. Ia mengurangkan permintaan dalam pasaran Barat (dan pada tahap yang lebih rendah di Jepun). Untuk memulihkan ekonominya, Kerajaan China melaksanakan pakej rangsangan yang agresif bernilai sebanyak 4 trilion renminbi (\$586 bilion).<sup>4</sup> Sebahagian besar wang ini disalurkan kepada projek infrastruktur seperti pelabuhan, pelaburan hartanah dan kereta api berkelajuan tinggi. Krisis kewangan juga turut melemahkan ekonomi Malaysia yang bergantung kepada sumber eksport, mendorong kepada pencarian sumber alternatif untuk pertumbuhan.<sup>5</sup>

Pakej rangsangan fiskal China pada tahun 2008 telah meningkatkan kebergantungan sedia ada negara tersebut kepada pembentukan modal tetap, sambil mengurangkan bahagian dalam eksport dan penggunaan isi rumah dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).<sup>6</sup> Lebihan pelaburan ini menghalang berlakunya kemelesetan ekonomi bagi tempoh jangka masa pendek. Walau bagaimanapun, lebihan kapasiti, hutang kerajaan yang melambung tinggi dan cabaran lain yang telah berlaku dari awal hingga pertengahan tahun 2010 merumitkan perkembangan ekonomi China. Sejak itu, ahli politik, birokrat dan ahli ekonomi China semakin menerima hakikat bahawa pertumbuhan KDNK tahunan mereka semakin perlahan iaitu di antara 7.0 dan 7.5 peratus setahun berbanding paras dua angka yang pernah dicapai pada masa lalu.<sup>7</sup>

Kelembapan ini merupakan salah satu sebab utama tindakan Presiden China, Xi Jinping mempromosikan BRI pada tahun 2013, yang dianggap oleh orang ramai sebagai alat ekonomi terpenting dan penglibatan strategik China dengan negara di seluruh dunia.<sup>8</sup> Walaupun terdapat pelbagai tafsiran mengenai bagaimana BRI ditakrifkan dan dioperasikan, penganalisis secara amnya bersetuju bahawa pengeksportan infrastruktur berintensif-modal merupakan asas komponen utama inisiatif tersebut.<sup>9</sup> Bagi MNC hartanah China, BRI dianggap baik. Seawal tahun 2010 telah ada spekulasi mengatakan bahawa gelembung hartanah China akan pecah tidak lama lagi.<sup>10</sup> Pada masa ini, pengulas mula menjangkakan kemunculan beberapa “bandar hantu” di kawasan terpencil China kerana masih banyak unit perumahan yang tidak berpenghuni.<sup>11</sup> Projek sedemikian pada kebiasaannya adalah terdiri daripada projek pembangunan yang diketengahkan oleh pihak kerajaan bersama-sama dengan pihak pemaju dan penyokongnya. Apabila Beijing mengumumkan BRI pada tahun 2013, beberapa MNC hartanah China ini telah mengambil peluang untuk menjalankan projek di luar China atau mempelbagaikan perniagaan baharu.

Sebagai contoh Kumpulan Wanda, pada satu ketika merupakan salah satu MNC hartanah yang terkenal sebagai empayar perniagaan global terbesar di negara tersebut. Pada tahun-tahun sebelum dan sejurus selepas 2013, firma ini aktif membelanja untuk mengembang perniagaan di luar negara

terutamanya dalam industri hiburan dalam usaha mereka untuk “meningkatkan budaya Cina [dan] melalui pendekatan secara lembut.”<sup>12</sup> Antara tawaran yang paling menarik perhatian adalah mengenai perolehan yang dibuat dengan pihak AMC Entertainment Holdings (rantai pawagam A.S. kedua terbesar pada masa tersebut dan akhirnya yang terbesar di negara itu) pada tahun 2012 dan pembelian hartanah mewah di Nine Elms Lane, London pada tahun 2013.<sup>13</sup> Beberapa pemerhati berkata perjanjian AMC membantu meningkatkan imej Kumpulan Wanda dengan Parti Komunis China kerana ia memberi peluang kepada firma tersebut untuk mempengaruhi pendapat umum di Barat.<sup>14</sup> Mempelbagaikan cabang bidang perniagaan, mendorong modal pelaburan keluar negara dan memenuhi matlamat Parti Komunis China merupakan strategi yang berguna kepada penggiat hartanah China pada tahun-tahun selepas pelancaran BRI.

Beberapa MNC hartanah memutuskan untuk meneroka peluang di luar negara berhampiran dengan China, terutamanya di Asia Tenggara. Di Malaysia, mereka menemui persekitaran yang agak pro-perniagaan.<sup>15</sup> Kedua-dua negara juga berhubungan mesra kerana Malaysia merupakan antara negara Asia Tenggara pertama yang menjalin hubungan diplomatik dengan China (pada tahun 1974).<sup>16</sup> Bekas Perdana Menteri Malaysia, Najib Razak (2009–2018) telah menggesa MNC China untuk berusaha membawa masuk pembangunan berprofil tinggi.<sup>17</sup> Beberapa projek China paling menonjol yang dimulakan oleh Najib—dan diteruskan oleh perdana menteri berikutnya—termasuklah Laluan Rel Pantai Timur, Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan dan Zon Perdagangan Bebas Digital China-Malaysia.<sup>18</sup> Sehingga tahun 2021, firma China menjadi sumber FDI ketiga terbesar di Malaysia dengan agregat FDI berjumlah 31.3 bilion ringgit (\$7.5 bilion). MNC China mengekori rapat pelaburan dari Belanda (78 bilion ringgit atau \$18.6 bilion) dan Singapura (47.3 bilion ringgit atau \$11.3 bilion).<sup>19</sup>

## Asal Usul Koridor Iskandar Malaysia

Bermula pada awal tahun 1970-an, Malaysia mula menarik FDI untuk beralih arah secara agresif kepada sektor industri, mengambil kesempatan daripada kos buruh yang rendah dan kedudukan strategik di antara Timur dan Barat. Krisis kewangan Asia pada tahun 1997 telah mengganggu trajektori pertumbuhan ekonomi Malaysia dan ianya berterusan sehingga kini. Walaupun penguncupan ekonomi di negara ini tidak begitu serius berbanding yang lain di rantau ini, tindak balas diluar kebiasaan, menggalakkan dasar pengembangan (bukan penguncupan), telah menarik respon bercampur-campur daripada komuniti antarabangsa. Sesetengah pemerhati agak skeptikal terhadap dasar tertentu yang dibuat Malaysia pada masa itu, khususnya mengenai kawalan modal tetapi analisis yang lebih terperinci mendedahkan bahawa pendekatan ini membantu menstabilkan keyakinan pasaran semasa kemelesetan.<sup>20</sup> Keyakinan pelabur hanya kembali pada pertengahan tahun 2000, di mana pada masa tersebut Malaysia terpaksa bersaing dengan satu lagi kumpulan negara-negara ekonomi lewat-membangun di rantau ini seperti Kemboja dan Vietnam. Bagi penggubal dasar Malaysia, tidak

memadai untuk bergantung kepada strategi persaingan berdasarkan kos perniagaan yang lebih rendah seperti sebelum ini terutamanya bagi menarik pelaburan sektor pembuatan berintensif-buruh. Oleh sebab itu, penggubal dasar di Malaysia mula bertukar untuk mempromosikan koridor ekonomi serantau.<sup>21</sup>

Walaupun koridor ini masih mempromosikan sektor pembuatan, sektor perkhidmatan telah mula mendapat lebih perhatian. Sesetengah penganalisis mengaitkan peralihan ke bidang perkhidmatan disebabkan oleh pandangan pembuat dasar mengenai bidang pembuatan.<sup>22</sup> Industri elektrik dan elektronik yang memainkan peranan utama dalam kemajuan ekonomi Malaysia sejak 1970-an, “dilihat . . . menjadi tidak stabil,” dan tidak mempunyai nilai-tambah yang mencukupi, dengan implikasi bahawa usaha pemasaran dan promosi harus diarahkan ke tempat lain.”<sup>23</sup> Menjelang pertengahan 2010-an, pembinaan, komponen utama sektor perkhidmatan, telah berkembang dengan lebih pesat berbanding kebanyakan industri utama yang lain (lihat jadual 1).

JADUAL 1  
**Indeks Pengeluaran Industri Utama di Malaysia**

	<b>Pembinaan</b>	<b>Pembuatan</b>	<b>Perlombongan</b>	<b>Elektrik</b>
2010	100.0	100.0	100.0	100.0
2011	110.8	105.7	94.8	102.0
2012	114.4	111.3	96.2	107.2
2013	121.2	116.0	97.0	113.1
2014	130.6	123.0	99.8	118.4
2015	136.7	128.9	104.8	121.2
2016	140.9	134.5	107.2	131.5

SUMBER: Pengiraan penulis berdasarkan data yang dibeli daripada Pengurus Data CEIC.

NOTA: Angka 2010 dalam jadual ini mewakili nilai garis dasar yang diukur pada tahun-tahun berikutnya.

Pada masa yang sama, MNC China yang berniat membangunkan portfolio antarabangsa mereka mula mengalihkan perhatian ke Malaysia, khususnya Iskandar Malaysia. Hampir sejurus selepas tahun 2013, koridor tersebut telah menjadi penempatan bagi beberapa projek pembangunan hartanah MNC. Beberapa projek berprofil tinggi diumumkan (dan sedang dibangunkan) termasuk Princess Cove dan Forest City. Walau bagaimanapun, kemasukan MNC ke Iskandar Malaysia bukannya berlaku dalam situasi vakum atau pun ianya adalah situasi sebelah pihak sepenuhnya di mana penduduk tempatan tidak sedar dan terkejut dengan kemasukan pelaburan China secara besar-besaran.

Sebaliknya, tidak lama kemudian pelaburan China terperangkap dalam persaingan elit di antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Johor. Kedua-dua pihak sebenarnya telah lama bersaing untuk menubuhkan perintah ekonomi dan politik di Koridor Iskandar Malaysia. Mereka menjemput rakan gabungan masing-masing untuk mengambil bahagian di dalam projek serta mengetepikan pihak pesaing. Dari sudut pandangan ini, MNC hartanah China bukan sahaja bersekongkol membantu kerajaan persekutuan dan golongan elit tempatan malah autonomi mereka juga terbatas oleh isu politik dalam ekonomi tuan rumah.

Untuk melihat sebabnya, adalah perlu untuk kembali kepada asal usul kewujudan Iskandar Malaysia dan evolusinya selepas itu. Koridor tersebut dilancarkan pada tahun 2006 ketika kerajaan Malaysia berusaha meransang semula ekonomi selepas mengalami tempoh kelembapan berikutan krisis kewangan Asia pada tahun 1997. Khazanah Nasional Berhad—dana kekayaan berdaulat negara Malaysia yang dikenali dengan singkatan Khazanah—merupakan perancang utama koridor ekonomi di bahagian Selatan Semenanjung Malaysia.<sup>24</sup> Inspirasi daripada model zon ekonomi khas Shenzhen dan pembangunan kawasan metropolitan yang lebih luas serta jarak geografi Shenzhen dengan Hong Kong yang makmur, pegawai Khazanah membayangkan pembangunan koridor merangkumi kawasan seluas 2,217 kilometer persegi.<sup>25</sup> Selari dengan hubungan antara Shenzhen dan Hong Kong, Iskandar Malaysia berhasrat untuk memanfaatkan kedudukannya yang hampir dengan Singapura yang kaya raya dengan mewujudkan semula iklim perniagaan sama di negara Singapura.<sup>26</sup>

Lima Zon ‘Flagship’ diwujudkan di koridor Iskandar Malaysia: A (Pusat Bandar Johor Bahru), B (Iskandar Puteri, dahulunya dikenali sebagai Nusajaya), C (Pembangunan Gerbang Barat), D (Pembangunan Pintu Timur), dan E (Senai-Skudai). ‘Flagship’ Zon A dan B paling banyak menarik perhatian pelabur asing (terutamanya pemaju hartanah) kerana persekitaran urbanisasi dan jarak dekat ke Singapura. Sebaliknya, ‘Flagship’ Zon C, D dan E telah diperuntukkan untuk menarik pelaburan modal asing dalam sektor perindustrian.<sup>27</sup> Bagi menarik para pelabur global, kerajaan persekutuan Malaysia telah meliberalisasikan kebanyakan aktiviti ekonomi dan menawarkan insentif fiskal yang menarik. Kerajaan juga melonggarkan Dasar Ekonomi Baru yang sudah berpuluh tahun dilaksanakan—dasar pengagihan semula pendapatan mengikut garis kaum—dalam Iskandar Malaysia.<sup>28</sup>

Namun koridor tersebut boleh dikatakan tidak memenuhi jangkaan seperti yang digembar-gemburkan. Dari satu sudut, pembentukan Iskandar Malaysia dikatakan hanya mengganggu aliran pendapatan kerajaan negeri Johor. Sebelum ianya ditubuhkan, kerajaan Johor telah memperolehi hasil monopoli ke atas penjualan tanah di negeri tersebut melalui sebuah syarikat milik kerajaan (SOE) yang dikenali sebagai Johor Corporation.<sup>29</sup> Namun, penubuhan syarikat usaha sama seperti Iskandar Investment Berhad (IIB) yang memberi fokus untuk memacu inisiatif pembangunan di kawasan koridor ‘Flagship’ Zon B telah mewujudkan hubungan yang kurang selesa di antara kedua pihak.



IIB ditubuhkan daripada dua agensi persekutuan—Khazanah dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja—dan cabang komersial kerajaan negeri Johor, sebuah entiti yang dikenali sebagai Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ). Bagaimanapun, KPRJ hanya memegang 20 peratus ekuiti dalam IIB, rakan kerjasama agensi persekutuan merupakan pemegang ekuiti terbesar dalam usahasama itu. Tanpa perlu mengambil kira statusnya sebagai arkitek di belakang Iskandar Malaysia, Khazanah sebenarnya mempunyai pegangan 60 peratus saham yang memberikannya kuasa memerintah.<sup>30</sup> Selain itu, UEM Sunrise Berhad juga merupakan salah satu anak syarikat Khazanah memiliki kawasan tanah yang besar di 'Flagship' Zon B. Pemilikan tanah oleh UEM Sunrise Berhad di kawasan tersebut berlaku selepas beberapa siri penstrukturan korporat melibatkan Khazanah pada tahun-tahun selepas krisis kewangan Asia 1997.<sup>31</sup>

Iskandar Malaysia juga mempunyai struktur tadbir urus yang rumit. Secara rasminya, koridor itu ditadbir oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar iaitu sebuah badan berkanun persekutuan yang diketuai secara bersama oleh perdana menteri Malaysia dan menteri besar Johor.<sup>32</sup> Kuasa mentadbir dikongsi bersama oleh Putrajaya dan kerajaan negeri Johor menjadikan struktur organisasi pentadbirannya berbeza berbanding koridor ekonomi Malaysia yang lain di mana hampir keseluruhan kuasa mentadbir terletak di bawah perdana menteri. Ketidakselarasan struktur tadbir urus di Iskandar Malaysia jelas wujud apabila Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar hanya mempunyai tanggungjawab untuk merancang pembangunan, menggubal dasar dan menyediakan kemudahan pelaburan tetapi tidak mempunyai kuasa dalam pengurusan tanah dan menyampaikan perkhidmatan tempatan. Fungsi yang selebihnya terletak pada kerajaan negeri.<sup>33</sup>

Persaingan bagi mendapatkan hasil daripada penjualan tanah dan pembangunan projek serta pembahagian kerja yang tidak jelas kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar telah mewujudkan perpecahan di antara kerajaan pusat dan pegawai kerajaan negeri. Walaupun terdapat beberapa usaha bagi merapatkan jurang perhubungan (seperti menjadikan KPRJ sebagai rakan kongsi muda dalam IIB), perbezaan di antara mereka amat sukar untuk diselesaikan. Dalam bahasa lebih mudah, kedua-dua pihak dilihat mempunyai kecenderungan untuk mengutamakan pelabur masing-masing yang mengentengahkan projek digemari mereka terutamanya melibatkan usaha niaga hartanah mewah. Dari tahun 2006 hingga tahun 2012, pelaburan hartanah berjumlah 35.1 bilion ringgit (\$11.7 bilion), mewakili 33.1 peratus daripada jumlah pelaburan di Iskandar Malaysia. Jumlah ini bersamaan dengan pelaburan yang diperolehi daripada sektor pembuatan (33.1 peratus). Pelaburan koridor selebihnya dijana melalui aktiviti perindustrian (27.1 peratus) dan kerajaan pusat (6.9 peratus).<sup>34</sup>

Sumber kekayaan yang diperolehi secara pantas dari sektor hartanah ini bagaimanapun mempunyai kesan sampingan. Bekalan perumahan di dalam dan sekitar koridor ekonomi menjadi tersasar kepada unit hartanah mewah walaupun terdapat tuntutan politik yang jelas daripada pengundi supaya

mempromosikan dan memilih rumah kos rendah dan kos sederhana.<sup>35</sup> Ketidakeimbangan ini seterusnya memberi kesan paling besar kepada keseimbangan populasi penduduk kaum Melayu di kawasan tersebut kerana mereka tergolong di dalam segmen penduduk berpendapatan rendah di Johor (dan seluruh negara).<sup>36</sup>

## Pelaburan Cina di Iskandar Malaysia

BRI merupakan talian hayat kepada Johor kerana inisiatif tersebut telah meningkatkan keinginan MNC hartanah China untuk meluaskan pelaburan di luar negara sekaligus menjadikannya sasaran utama kerajaan negeri Johor yang pada masa itu berusaha menarik pelaburan yang mengutamakan sektor hartanah. Kebanyakan dana pelaburan ini kemudiannya dialihkan ke 'Flagship' Zon A, di mana petak tanah ditebus guna, jual atau disewakan kepada syarikat China untuk menampung tabung kerajaan negeri.<sup>37</sup>

Projek-projek ini telah menarik perhatian beberapa pihak sehingga meningkatkan profil koridor tersebut. Bagi memenuhi keperluan pelanggan di China, kebanyakan MNC China memasarkan projek mereka di Iskandar Malaysia melalui tajaan lawatan secara maya kepada pelanggan yang berpotensi di China. Apabila disoal oleh wartawan, Zhang Yuliang, Pengerusi Greenland Group iaitu sebuah SOE yang berpangkalan di Shanghai memetik bahawa kestabilan ekonomi Malaysia, kedudukan Iskandar Malaysia yang berdekatan dengan Singapura dan kawasan bandar utama yang lain serta dasar imigresen negara merupakan faktor utama penerokaan syarikatnya ke Iskandar Malaysia.<sup>38</sup> Pada akhir tahun 2015, bekas Gabenor Guangdong, Zhu Xiaodan (2011–2016) semasa lawatan kerja ke Johor telah melawat beberapa projek yang dibiayai oleh MNC China.<sup>39</sup>


Galakan pihak kerajaan persekutuan bagi projek tersebut juga telah menyebabkan kebanjiran pelaburan China ke 'Flagship' Zon A (sebahagian besarnya di 'Flagship' Zon B) bagi mendapatkan pelaburan mereka. Penganalisis membangkitkan kebimbangan sama ada projek yang dibiayai oleh China tersebut akan bersaing dengan Medini Iskandar Malaysia, pembangunan hartanah mewah yang telah dijalankan secara besar-besaran oleh kerajaan persekutuan dan sekutu perniagaan mereka sejak tahun 2006.<sup>40</sup> Secara praktikalnya, persaingan di antara kerajaan negeri-pusat dalam pembinaan hartanah mewah tidak banyak membantu memulihkan bekalan perumahan yang semakin tidak seimbang di Johor terutamanya di dalam dan sekitar Iskandar Malaysia. Di samping menunjukkan bahawa penawaran perumahan di rantau ini cenderung kepada unit mewah, para penyelidik berpendapat bahawa kos perumahan swasta telah melebihi had kemampuan perumahan secara drastik (median harga perumahan) sebanyak 260,000 ringgit (\$65,000) hanya dalam beberapa tahun selepas Iskandar Malaysia dimulakan.<sup>41</sup>

## Fasa Ledakan

Sehingga kini, enam projek pelaburan China—Country Garden Danga Bay, Greenland Jade Palace, Helios Cove, Princess Cove, Forest City, dan Central Park—telah ditubuhkan.<sup>42</sup> Peranan perantara yang dimainkan oleh KPRJ dan Iskandar Waterfront Holdings (syarikat induk terlibat dalam pembinaan, pembangunan hartanah dan perkhidmatan pengurusan hartanah terutamanya di ‘Flagship’ Zon A) membantu memudahkan penglibatan kerajaan negeri Johor dalam projek-projek ini sama ada sebagai penjual tanah atau sebagai pemaju bersama dengan pihak MNC hartanah China.

RAJAH 1

### Pembangunan Hartanah di Iskandar Malaysia



SUMBER: Disediakan oleh penulis

Rajah 1 menunjukkan gambaran secara langsung bagaimana Iskandar Malaysia telah menjadi pempatan kepada dua kumpulan perniagaan utama. Memandangkan Khazanah lebih mesra kepada pihak nasional, syarikat ini dan rakan-rakan perusahaannya mempunyai kedudukan kukuh di 'Flagship' Zon B (kawasan berwarna terang) manakala 'Flagship' Zon A (sebahagian besar kawasan berwarna gelap) pula bertujuan menempatkan projek hartanah yang diterajui oleh pihak berkuasa negeri Johor dan sekutunya.

Mengambil contoh projek pemajuan Country Garden Danga Bay. Ia merupakan projek pembiayaan hartanah pertama oleh China di Iskandar Malaysia dan perniagaan usaha sama luar negara pertama oleh Country Garden yang berpangkalan di Guangdong. Projek ini agak diterima baik oleh orang awam, apabila kira-kira 5,000 unit telah dijual semasa pelancaran rasmi pada Ogos 2013, hanya beberapa bulan selepas Country Garden mendapat 57 ekar tanah daripada Iskandar Waterfront Holdings.<sup>43</sup>

Keyakinan itu dikongsi oleh Sultan Johor, seorang tokoh yang popular di kalangan kaum Melayu. Sultan mengumumkan bahawa kepakaran Country Garden akan menggalakkan lebih banyak MNC China untuk melabur di Iskandar Malaysia sambil mengukuhkan hubungan Malaysia-China.<sup>44</sup> Sentimen positif yang terhasil oleh pelaburan Country Garden Danga Bay telah meningkatkan profil Iskandar Malaysia di kalangan MNC hartanah China yang berhasrat untuk keluar (atau *zou chuqu* dalam Bahasa Mandarin) di bawah sayap lebar BRI. Sebagai contoh, dua perjanjian utama telah diumumkan pada tahun 2014. Pertama, Kumpulan Greenland membeli hampir 14 ekar tanah di Danga Bay daripada pihak Iskandar Waterfront Holdings dengan harga 600 juta ringgit (\$183.5 juta). Satu lagi MNC China, R&F Properties, yang berpangkalan di Guangdong kemudiannya membeli 116 ekar tanah (dengan sebahagian tanah tebus guna) berharga 4.5 bilion ringgit (\$1.4 bilion) berhampiran dengan Tambak (Koswe) Johor-Singapura secara terus daripada sultan.<sup>45</sup> Kedua-dua projek tersebut kemudiannya dibangunkan dan masing-masing dijenamakan sebagai Greenland Jade Palace dan Princess Cove.

Country Garden dan syarikat MNC hartanah China yang lain begitu yakin dengan percubaan pelaburan peringkat awal mereka di Iskandar Malaysia. Tidak lama selepas itu, mereka melancarkan projek berskala besar yang dinamakan Forest City (lihat kawasan berwarna gelap di sebelah kiri Rajah 1). Forest City merupakan projek usaha sama China-Malaysia yang terdiri daripada Country Garden (yang memegang 60 peratus kepentingan) dan Esplanade Danga 88 Sdn Bhd (yang mempunyai 40 peratus kepentingan).<sup>46</sup> Pegangan kepentingan oleh Esplanade Danga 88 Sdn Bhd secara dasarnya dipecahkan pemilikan kepada tiga pihak: Sultan Johor (dengan pegangan 64.4 peratus), KPRJ (dengan pegangan 20 peratus) dan Daing Malek Daing Rahman, penasihat Sultan Johor (15.6 peratus).<sup>47</sup>

Projek ini bernilai kira-kira \$100 bilion, merupakan projek yang paling berintensifkan modal di Iskandar Malaysia setakat ini.<sup>48</sup> Dilancarkan pada tahun 2013, projek ini dibina di kawasan seluas 1,370 hektar. Forest City juga diunjurkan untuk menempatkan seramai 700,000 orang, menjadikan sasaran pembinaanya jelas: untuk menjadi bandar pintar terbesar di Asia Tenggara lengkap dengan infrastruktur alam sekitar yang mampan.<sup>49</sup> Mengambil kesempatan terletak di kawasan berdekatan dengan laluan kedua Malaysia-Singapura, Country Garden telah mempromosikan Forest City secara agresif sebagai “model utama bandar masa depan” sambil menawarkan “kehidupan eksklusif di pulau syurga” kepada bakal penduduk.<sup>50</sup> Disifatkan sebagai empat buah pulau yang ditambah, projek ini seperti yang akan ditunjukkan kemudian di anggap menjadi sangat perlahan. Sehingga akhir tahun 2021, hanya satu daripada empat buah pulau tersebut yang berjaya disiapkan. Selain itu, hanya 10,953 pemilik sahaja yang telah menerima kunci bagi rumah mereka sehingga akhir Julai 2021.<sup>51</sup>

Anggaran sebanyak 70–80 peratus unit di Forest City direka untuk kediaman mewah dan baki sebanyak 20-30 peratus pula diperuntukan sebagai lot perindustrian.<sup>52</sup> Walau bagaimanapun, harga purata untuk unit kediaman di Forest City adalah sekitar 1,200 ringgit (\$300) bagi setiap kaki persegi.<sup>53</sup> Harga yang begitu tinggi dan hampir bersamaan dengan unit kediaman mewah di Kuala Lumpur menunjukkan Country Garden memang tidak menyasarkan pembeli domestik. Ini kerana peluang ekonomi (dan lanjutan, jangkaan keuntungan modal dan pulangan sewa) secara tradisinya adalah lebih tinggi di Kuala Lumpur berbanding tempat lain di seluruh negara. Antara pertimbangan lain, Kuala Lumpur mempunyai purata pendapatan isi rumah yang lebih tinggi berbanding kawasan lain di seluruh Malaysia. Pendapatan median isi rumah khususnya di Johor hanya kira-kira 61 peratus daripada saiz Kuala Lumpur.<sup>54</sup>

Apabila ditanya sama ada mereka menyedari mengenai saiz penduduk Johor yang kecil (kurang daripada 3.8 juta pada 2020) dan betapa besarnya ketidakseimbangan yang berlaku akibat peningkatan populasi sebanyak 700,000, eksekutif jualan memberi alasan bahawa ianya bukanlah isu yang membimbangkan sekurang-kurangnya semasa fasa awal pembangunan. Mereka menjelaskan bahawa perluasan kawasan pembangunan akan dijalankan secara berfasa dan pada masa itu saiz penduduk Johor juga dijangka akan meningkat.<sup>55</sup> Walau bagaimanapun, carian di laman web Jabatan Perangkaan Malaysia mendedahkan kadar pertumbuhan penduduk Johor pernah mencapai tahap kemuncak sebanyak 1.4 peratus pada tahun 2018 dan sejak itu telah jatuh daripada paras tersebut. Kadar pertumbuhan yang belum dimuktamadkan pada 2021 hanya kira-kira 0.5 peratus.<sup>56</sup> Berdasarkan unjuran ini, kadar pertumbuhan penduduk negeri itu dilihat tidak digunakan sebagai teras utama dalam menentukan jangkaan permintaan masa hadapan.

Jelas bahawa sasaran utama syarikat adalah pelanggan dari China serta mereka yang mencari rumah kedua dan/atau harta persaraan di luar daripada negara mereka sendiri.<sup>57</sup> Mungkin menyedari keutamaan di kalangan pelabur China berpendapatan tinggi terarah di bandar-bandar yang lebih terkenal seperti London dan New York, Country Garden memberi tumpuan kepada rakyat China

kelas pertengahan yang semakin berkembang, terutamanya golongan dari bandar raya peringkat kedua dan ketiga. Rutin asas jualan mensasarkan penganjuran percutian yang diselenggarakan dengan lawatan ke tapak Forest City dan kawasan sekitarnya. Kebiasaannya, pelanggan Cina kelas pertengahan ini diterbangkan ke Singapura untuk bercuti sekurang-kurangnya satu malam sebelum dibawa ke Johor. Matlamat firma tersebut adalah untuk menonjolkan imej Iskandar Malaysia sebagai ‘Shenzhen seterusnya’ di mana negara jiran Singapura digambarkan sebagai analogi kepada Hong Kong semasa tahun-tahun awal ledakan Shenzhen pada 1980-an dan 1990-an. Bagi tujuan jualan, adalah penting untuk mengaitkan Johor dengan Shenzhen memandangkan pertumbuhan Shenzhen yang mengagumkan semasa dasar pembaharuan dan pembukaan China yang bermula pada tahun 1978.

Country Garden melihatnya sangat penting untuk mewujudkan hubungan psikologi dan undang-undang di antara Iskandar Malaysia dan Singapura sehingga bertindak agresif melobi untuk mendapatkan kompleks kastam, imigresen dan pusat kuarantin baharu yang khusus untuk Forest City.<sup>58</sup> Pada awal tahun 2016, firma tersebut juga mengambil peluang mengiklankan Forest City semasa perlawanan Persatuan Bola Keranjang Kebangsaan yang ditonton secara meluas di China dengan menonjolkan slogan pemasaran seperti “kediaman berasaskan pulau bebas cukai di sebelah Singapura.”<sup>59</sup>

### Fasa Kejatuhan

Walaupun pelabur China menjadi teras kepada strategi komersial Johor di Iskandar Malaysia, namun politik Malaysia terutamanya hubungan dinamik di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri yang lazimnya menentukan keberhasilan sesuatu pelaburan. Sesungguhnya, kemasukan pelaburan China dan pelaksanaan projek-projek lain ke dalam Forest City membuka peluang kepada kerajaan negeri Johor untuk mendapatkan semula penguasaan di Iskandar Malaysia.

Ledakan hartanah di Iskandar Malaysia telah menarik perhatian Mahathir, bekas perdana menteri Malaysia yang ketika itu berkhidmat sebagai ketua blok pembangkang Pakatan Harapan. Menyasarkan untuk kembali Berjaya dalam politik, ahli politik veteran itu memilih Forest City sebagai sasaran retorik politik anti-kerajaan beliau bermula pada awal tahun 2017. Menurut Mahathir, projek itu telah menjejaskan Malaysia kerana mengakibatkan pengaliran keluar modal secara besar-besaran dan kehilangan peluang pekerjaan kaum Melayu kepada firma China.<sup>60</sup> Beliau mendakwa pembinaan Forest City telah membuka pintu penghijrahan rakyat China ke negara ini dan mereka juga dikatakan diberi kad pengenalan Malaysia sekaligus menyebabkan kerjasama dalam bidang hartanah bertukar menjadi topik politik paling sensasi di Malaysia. Beliau merangka serangan propaganda politik dengan membuat tanggapan bahawa kad pengenalan tersebut akan membolehkan pembeli China mengundi di dalam pilihan raya umum Malaysia dan mengubah keseimbangan politik negara—menyifatkan bahawa ini adalah niat golongan kaum Melayu elit yang menyokong projek hartanah tersebut.<sup>61</sup>



Dengan menggabungkan pembeli rumah dari China yang membeli hartanah di Forest City dengan kaum Cina warga tempatan di Malaysia, Mahathir berusaha menyerang projek tersebut dengan berpihak kepada kaum Melayu konservatif bagi menghakis undi di kubu utama parti pemerintah, UMNO. Ramai di antara orang Melayu, terutamanya yang berasal dari kawasan luar bandar menjadi berwaspada dengan rakan senegara berbangsa Cina. Apabila China menjadi lebih berkuasa di peringkat antarabangsa, ketakutan di kalangan orang Melayu konservatif telah menjadi lebih ketara dan lebih sukar untuk dibendung atau diremehkan.<sup>62</sup>

Serangan tersebut segera dibalas oleh Sultan Johor yang menyatakan bahawa komen Mahathir tidak mempunyai asas dengan berkata, “[Mahathir] telah melampaui batas dengan memutar belit isu ini. . . mewujudkan ketakutan, menggunakan kaum, hanya untuk memenuhi motif politiknya.”<sup>63</sup> Serangan dan tindak balas secara terbuka ini menimbulkan rasa kurang senang di kalangan warga China yang terlibat dengan projek tersebut. Mereka percaya bahawa Forest City telah memberi manfaat besar kepada Malaysia dengan menjana peluang pekerjaan dan perniagaan untuk ekonomi tempatan serta peluang sedemikian tidak akan wujud tanpa Forest City.<sup>64</sup>

Seorang warga Cina yang ditemubual memberitahu penulis bahawa Country Garden (disebabkan pemilikan oleh orang China) sering terperangkap dalam politik perkauman di Malaysia, di mana orang Melayu tempatan sering melihat kaum Cina Malaysia dan pelabur dari China tergolong dari kumpulan sama yang mementingkan keuntungan populis. Pihak yang ditemubual turut meluahkan bahawa firma tersebut mungkin memandang rendah terhadap ketidakstabilan politik di Malaysia sebelum memulakan pelaburan di Iskandar Malaysia. Orang yang ditemubual sebelum ini mempunyai tanggapan bahawa Malaysia adalah salah satu negara di Asia Tenggara yang mempunyai kestabilan politik tetapi kini membuat kesimpulan yang sebaliknya.<sup>65</sup>

Yang pasti, beberapa kakitangan tempatan dari firma itu bersetuju bahawa eksekutif Country Garden yang berasal dari China tidak mempunyai pemahaman mendalam tentang amalan komersial di Malaysia. Salah satu rungutan mereka adalah berkaitan dengan struktur pelaporan yang terlalu tegar. Ini menyebabkan pertimbangan dan kebimbangan warga tempatan gagal disampaikan secara cekap kepada eksekutif kanan yang dihantar dari China. Dalam beberapa keadaan, pekerja tempatan merasakan eksekutif kanan—terutamanya dari China—sengaja memekakkan telinga terhadap idea mereka. Antara rungutan lain adalah permintaan MNC China terhadap pekerja-pekerja untuk bekerja lebih masa (termasuk pada hujung minggu dan cuti umum) tanpa diberi pampasan secara langsung.<sup>66</sup>

Walau bagaimanapun, Forest City juga terkejut dengan kawalan modal yang dikenakan oleh kerajaan China pada Mac 2017, satu petunjuk yang mendedahkan bahawa eksekutif firma China tersebut mungkin tidak dapat memahami politik China dengan lebih baik sama seperti politik di Malaysia. Dilaksanakan untuk mengekang pengaliran keluar wang dan menstabilkan renminbi

China, kawalan modal oleh Beijing bertujuan untuk menghalang firma China daripada terlalu ghairah mengejar pelaburan asing; hartanah (bersama-sama hiburan) adalah salah satu daripada dua industri yang berada di bawah kawalan yang sangat ketat.<sup>67</sup>

